



KEBEBASAN BERSUARA

"Kebebasan Bersuara Bukan Kebebasan Berbohong"
"Freedom of Speech but not freedom to lie"

Jangan keliru antara
berkongsi pandangan dengan
menyebarkan penipuan

KEBEBASAN
BERSUARA
BUKAN
KEBEBASAN
BERBOHONG

**Hak kebebasan bersuara adalah hak
kita sebagai rakyat Malaysia.
Bagi menjaga keharmonian negara,
gunakan hak anda dengan lebih
bertanggungjawab.**

5 Garis Panduan Dalam Menggunakan Hak Kebebasan Bersuara

Beringat
bila bercakap

KEBEBASAN
BERSUARA
BUKAN
KEBEBASAN
BERBOHONG

1. BERINGAT BILA BERCAKAP

Berwaspada dalam pertuturan.

Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

Bercakap
benar

KEBEBASAN
BERSUARA
BUKAN
KEBEBASAN
BERBOHONG

2. BERCAKAP BENAR

Anda bebas meluahkan pandangan asalkan ia tidak berdasarkan fitnah atau maklumat yang tidak benar.



3. BIJAK MENILAI

Fikir dahulu sebelum berkata-kata agar tiada penyesalan di kemudian hari.



4. LUAHKAN PENDAPAT BERDASARKAN FAKTA

Sahkan fakta sebelum berkongsi, bagi mengelakkan penyebaran sesuatu yang tidak benar.

Beri pandangan tanpa menyebarkan kebencian



KEBEBASAN BERSUARA BUKAN KEBEBASAN BERBOHONG

5. BERI PANDANGAN TANPA MENYEBARKAN KEBENCIAN

Elakkan pertuturan kebencian dalam apa jua keadaan walaupun tidak bersetuju dengan sesuatu pendapat.



Nasional Kebebasan bersuara bukan tiket sebar berita palsu

Guna fikiran matang nilai maklumat elak masyarakat rosak, runtuh

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebebasan bersuara yang diperuntukkan dalam undang-undang bukan 'tiket' untuk rakyat di negara ini menyebarkan berita palsu dan mencela orang lain secara terbuka. Kebebasan itu seharusnya dipraktikkan dengan matang, bukannya disalahgunakan sehingga boleh merosak dan meruntuhkan sistem masyarakat dalam jangka masa panjang. Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Luqman Abdullah, berkata agama Islam sebagai contoh begitu menekankan umatnya untuk menyekam terlebih dahulu sesuatu ber-

ita sebelum disebarkan kepada orang lain. "Apabila berita yang belum tentu sahih dihebahkan, ia menunjukkan masyarakat tidak matang dalam mengamalkan kebebasan bersuara yang diberikan, malah ia tidak berada pada tahap yang diharapkan kerana jika masyarakat matang, perkara begini tidak akan berlaku. "Agama Islam turut menyatakan apabila datang kepada kamu orang fasiq membawa berita, hendaklah diambil dan dibuat semakan dahulu sebelum menyebarkannya. Ini satu perkara yang jelas dalam al-Quran dan hadis larangan lain seperti perbuatan mengumpat dan mencela yang merujuk kepada perkara yang tidak disukai orang lain serta tidak benar. "Ini dasar dalam Islam kerana ia merosakkan masyarakat. Apabila masyarakat dibina dengan cara tidak betul, maka akan runtuhlah sistem masyarakat itu," katanya kepada BH, semalam. Luqman berkata, usaha menupuk kesedaran berhubung kepentingan menyampaikan perka-

ra yang benar perlu dimulakan pada peringkat lebih awal, selain penguatkuasaan lebih berkesan kepada penyebar berita palsu. "Dalam hal ini, kita ada banyak mekanisme, contohnya sudah ada peraturan tertentu untuk menyekat berita palsu. Ia sudah cukup, cuma perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya," katanya. Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, berkata rakyat negara ini bertuah kerana diberi kebebasan untuk menyampaikan pandangan, namun masih ada yang tidak menggunakan peluang diberi itu dengan cara yang betul. "Saya sebagai seorang penceramah, saya bebas memberi komen dan teguran, termasuk di kaca televisyen. Sahuran media seperti itu perlu digunakan dengan betul, bukan dengan menyebarkan berita palsu," katanya. Mohd Izhar berkata, selain masyarakat umum, pemimpin juga perlu menunjukkan contoh de-

Nasional

Apabila berita yang belum tentu sahih dihebahkan, ia menunjukkan masyarakat tidak matang dalam mengamalkan kebebasan bersuara.



Luqman Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan

"Jika mahu jadi pembangkang, jadilah pembangkang yang bijak-sana dan profesional. Biar apa yang dimaklumkan itu adalah fakta," katanya. Beliau turut menyokong pengubahan akta khusus supaya penyebaran berita palsu dikenakan hukuman yang setimpal, sekali gus mendisiplinkan pesalah dan masyarakat.